

D.R. 25/2019

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019  
PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

**TEKS BAHASA KEBANGSAAN**

**1. Tajuk panjang**

Tajuk panjang Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis” dengan perkataan “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis”.

**2. Fasal 1**

Subfasal 1(1) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis” dengan perkataan “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis”.

**3. Fasal 2**

Fasal 2 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Jawatankuasa Aduan” takrif yang berikut:

‘ “Ketua Jabatan” ertinya anggota pasukan polis yang dipertanggungjawabkan dengan kawalan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 6 Akta Polis 1967 [Akta 344];’ ;

(b) dalam takrif “Lembaga Tatatertib”, dengan menggantikan perkataan “ditubuhkan” dengan perkataan “anggotanya dilantik oleh Suruhanjaya”;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “Lembaga Tatatertib” takrif yang berikut:

‘ “Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil” ertinya Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil yang anggotanya dilantik oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 36(1);’;

(d) dengan memasukkan selepas takrif “salah laku” takrif yang berikut:

‘ “salah laku kecil” ertinya mana-mana salah laku yang ditetapkan di bawah subseksyen 22(2);’; dan

(e) dalam takrif “Suruhanjaya” dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis” dengan perkataan “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis”.

4. **Fasal 3**

Subfasal 3(1) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis” perkataan “Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis”.

5. **Fasal 6**

Fasal 6 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan menomborkan semula subfasal (2) yang sedia ada sebagai subfasal (3); dan

(b) dengan memasukkan selepas subfasal (1) subfasal yang berikut:

“(2) Anggota Suruhanjaya hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme, dalam perkara yang berhubung dengan

undang-undang, pentadbiran, kewangan atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.”.

6. **Fasal 13**

Fasal 13 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subfasal (1)—

(i) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(ii) dengan menomborkan perenggan (c) yang sedia ada sebagai perenggan (d); dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) mana-mana pegawai Suruhanjaya; atau”; dan

(b) dalam subfasal (2), dengan memasukkan selepas perkataan “jawatankuasa” perkataan “, pegawai Suruhanjaya”.

7. **Fasal 21**

Subfasal 21(3) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan angka “44” dengan angka “48”.

8. **Fasal 22**

Fasal 22 Rang Undang-Undang ini dipinda—

(a) dalam subfasal (1), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya boleh menerima aduan, atau menguruskan aduan terhadap mana-mana anggota polis yang dirujuk kepadanya mengenai salah laku yang berikut:” dengan

perkataan “Apa-apa tatakelakuan yang jatuh di bawah mana-mana perihalan yang berikut hendaklah terjumlah sebagai salah laku:”;

(b) dengan menggantikan subfasal (2) dengan subfasal yang berikut:

“(2) Perdana Menteri boleh, atas nasihat Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan apa-apa tatakelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subfasal (2) subfasal yang berikut:

“(3) Seksyen 26, 27 dan 28 hendaklah terpakai bagi salah laku kecil tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang dibuat oleh Perdana Menteri, atas nasihat Suruhanjaya, bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.”.

#### 9. **Fasal 24**

Fasal 24 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam subfasal (1), dengan memotong perkataan “secara bertulis”; dan

(b) dengan memotong subfasal (4).

#### 10. **Fasal 25**

Fasal 25 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dalam perenggan (c)—

(i) dengan menggantikan perkataan “yang disebut dalam seksyen 22” dengan perkataan “selain salah laku kecil”; dan

(ii) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

(b) dengan menomborkan semula perenggan (d) yang sedia ada sebagai perenggan (e); dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) jika aduan melibatkan mana-mana salah laku kecil, aduan itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Jabatan bagi penyiasatan; dan”.

**11. Fasal 29**

Subfasal 29(3) Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan angka “47” dengan angka “51”.

**12. Fasal 31**

Fasal 31 Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan menggantikan subfasal (3) dengan subfasal yang berikut:

“(3) Suruhanjaya hendaklah melantik anggota Lembaga Tatatertib sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”;

(b) dengan menomborkan semula subfasal (4) yang sedia ada sebagai subfasal (6);

(c) dengan memasukkan selepas subfasal (3) subfasal yang berikut:

“(4) Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk menangani salah laku selain salah laku kecil.

(5) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggota pasukan polis untuk menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas apa-apa aduan salah laku kecil.”; dan

(d) dalam subfasal (6) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “Walau apa pun subsekyen (3), jika” dengan perkataan “Jika”.

**13. Fasal 32**

Fasal 32 Rang Undang-Undang dipinda dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “**salah laku**” perkataan “**selain salah laku kecil**”.

**14. Penomboran semula fasal 33, 34 dan 35**

Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan menomborkan semula fasal 33 yang sedia ada sebagai fasal 34; dan

(b) dengan menomborkan semula fasal 34 dan fasal 35 yang sedia ada masing-masing sebagai fasal 38 dan fasal 39.

**15. Fasal baharu 33**

Rang Undang-Undang dipinda dengan memasukkan selepas fasal 32 fasal yang berikut:

**“Prosiding untuk menangani salah laku kecil**

**33.** Prosiding untuk menangani salah laku kecil hendaklah dijalankan oleh mana-mana anggota pasukan polis yang dilantik di bawah subsekyen 31(5) mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.”.

16. **Fasal 34 yang dinomborkan semula**

Fasal 34 yang dinomborkan semula Rang Undang-Undang dipinda—

(a) dengan menomborkan semula subfasal (2) yang sedia ada sebagai subfasal (3);

(b) dengan memasukkan selepas subfasal (1) subfasal yang berikut:

“(2) Mana-mana anggota pasukan polis yang dilantik di bawah subseksyen 31(5) boleh mengenakan mana-mana satu atau lebih hukuman di bawah subseksyen (1) melainkan hukuman di bawah perenggan (1)(f) dan (g).”; dan

(c) dalam subfasal (3) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “subseksyen (1) dan (2)”.

17. **Fasal 35, 36 dan 37 baharu**

Rang Undang-Undang ini dipinda dengan memasukkan selepas fasal 34 yang dinomborkan semula fasal yang berikut:

**“Rayuan terhadap keputusan yang berhubungan dengan salah laku kecil**

35. Mana-mana anggota pasukan polis yang terkilan dengan keputusan yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana anggota pasukan polis yang dilantik di bawah subseksyen 31(5) boleh merayu kepada Lembaga Rayuan Tata tertib Salah Laku Kecil dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya secara bertulis.

### **Pelantikan anggota Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil**

36. (1) Suruhanjaya hendaklah melantik anggota Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil hendaklah mempunyai kuasa untuk menerima, menimbang dan menentukan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh mana-mana anggota pasukan polis.

### **Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil**

37. (1) Dalam menimbang suatu rayuan di bawah subseksyen 36(2), Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil boleh—

(a) mengesahkan keputusan itu;

(b) mengubah hukuman kepada suatu hukuman yang lebih ringan; atau

(c) mengakaskan keputusan dan hukuman dan membebaskan anggota pasukan polis itu daripada pertuduhan terhadapnya.

(2) Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil tidak boleh menyemak semula keputusan yang dibuat olehnya di bawah subseksyen (1).”.

### **18. Penomboran semula fasal 36 hingga 60**

Rang Undang-Undang dipinda dengan menomborkan semula fasal 36 hingga 60 yang sedia ada masing-masing sebagai fasal 40 hingga 64.



19. **Fasal 51 yang dinomborkan semula**  
Fasal 51 yang dinomborkan semula dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “jagaan pasukan polis” perkataan “dengan secepat mungkin”.
20. **Fasal 53 yang dinomborkan semula**  
Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan fasal 53 yang dinomborkan semula dengan fasal yang berikut:
- “Kuasa untuk meminda Jadual**
53. Perdana Menteri boleh, atas nasihat Suruhanjaya, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.”.
21. **Fasal 54 yang dinomborkan semula**  
Fasal 54 yang dinomborkan semula Rang Undang-Undang dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “boleh” perkataan “, atas nasihat Suruhanjaya,”.
22. **Fasal 58 yang dinomborkan semula**  
Fasal 58 yang dinomborkan semula Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan angka “39” dengan angka “43”.
23. **Menomborkan Jadual**  
Rang Undang-Undang dipinda dengan menomborkan Jadual yang sedia ada sebagai Jadual Pertama.
24. **Jadual baharu Kedua**  
Rang Undang-Undang dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Pertama yang dinomborkan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA  
[Subseksyen 35(1)]

<i>Lembaga Rayuan Tata tertib Salah Laku Kecil</i>		
<i>(1)</i> <i>Kategori Pegawai</i>	<i>(2)</i> <i>Bidang kuasa</i>	<i>(3)</i> <i>Keanggotaan Lembaga Rayuan Tata tertib</i>
Semua anggota pasukan polis	Semua tindakan tata tertib bukan dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Pengerusi Suruhanjaya  Anggota: Seorang anggota Suruhanjaya  Ketua Polis Negara atau seorang wakil daripada pasukan polis yang berpangkat lebih tinggi daripada anggota pasukan polis yang terkilan (bukan anggota pasukan polis yang membuat keputusan tindakan tata tertib terhadap anggota pasukan polis yang terkilan itu)

HURAIAN

1. Perenggan 1 dan 4 bertujuan untuk meminda nama Suruhanjaya daripada Suruhanjaya Bebas Salah Laku Polis kepada Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis.

2. Perenggan 2 bertujuan untuk meminda tajuk ringkas Akta daripada Akta Suruhanjaya Bebas Salah Laku Polis 2019 kepada Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2019.
3. Perenggan 3 bertujuan untuk memasukkan takrif baharu "Ketua Jabatan", "Lembaga Rayuan Tata tertib Salah Laku Kecil" dan "salah laku kecil" dan untuk meminda takrif sedia ada "Lembaga Tata tertib" dan "Suruhanjaya".
4. Perenggan 5 bertujuan untuk meminda fasal 6 untuk mengadakan kelayakan khusus bagi anggota Suruhanjaya.
5. Perenggan 6 bertujuan untuk meminda fasal 13 untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk mewakilkan kuasanya kepada mana-mana pegawai Suruhanjaya.
6. Subperenggan 8(b) bertujuan untuk menggantikan subfasal 22(2) untuk memberi Perdana Menteri kuasa, atas nasihat Suruhanjaya, untuk menetapkan mana-mana tatakelakuan yang boleh dikategorikan sebagai salah laku kecil.
7. Subperenggan 8(c) bertujuan untuk memasukkan subfasal baharu 22(3) untuk memberi Perdana Menteri kuasa, atas nasihat Suruhanjaya, untuk membuat apa-apa ubah suaian berhubung dengan pemakaian fasal 26, 27 dan 28 bagi salah laku kecil bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan.
8. Perenggan 9 bertujuan untuk meminda subfasal 24(1) untuk membolehkan orang awam untuk membuat aduan melalui pelbagai cara.
9. Subperenggan 10(c) bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu (d) ke dalam fasal 25 bagi membolehkan Jawatankuasa Aduan merujuk aduan salah laku kecil kepada Ketua Jabatan bagi tujuan penyiasatan.

10. Subperenggan 12(c) bertujuan untuk memasukkan subfasal (4) baharu ke dalam fasal 31 yang memperuntukkan bahawa Lembaga Tatatertib mempunyai bidang kuasa ke atas salah laku selain salah laku kecil.

11. Subperenggan 12(d) bertujuan untuk meminda fasal 31 untuk memasukkan subfasal baharu (5) untuk memberikan Suruhanjaya kuasa untuk melantik mana-mana anggota pasukan polis untuk menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas aduan salah laku kecil.

12. Perenggan 15 bertujuan untuk memasukkan fasal 33 baharu untuk memperuntukkan bahawa prosiding untuk menangani salah laku kecil hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

13. Subperenggan 16(b) bertujuan memasukkan subfasal baharu (2) ke dalam fasal 34 untuk memberi mana-mana anggota pasukan polis yang dilantik di bawah subfasal 31(5) untuk mengenakan mana-mana satu atau lebih hukuman melainkan hukuman turun pangkat atau buang kerja.

14. Perenggan 17 bertujuan untuk memasukkan fasal 35, 36 dan 37 baharu bagi memberikan hak kepada mana-mana anggota pasukan polis yang terkilang terhadap keputusan yang dikenakan ke atas mereka oleh mana-mana anggota pasukan polis yang dilantik di bawah subfasal 31(5) untuk merayu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil. Keanggotaan Lembaga Rayuan Tatatertib Salah Laku Kecil diperuntukkan dalam Jadual baharu Kedua yang dimasukkan melalui subfasal 36(1).

15. Perenggan 19 bertujuan untuk meminda fasal 51 untuk menghendaki pasukan polis merujuk apa-apa insiden cedera parah atau kematian dalam jagaan kepada Suruhanjaya secepat mungkin.

16. Perenggan 20 bertujuan untuk menggantikan fasal 53 yang dinomborkan semula untuk membolehkan Perdana Menteri meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua atas nasihat Suruhanjaya.

17. Perenggan 21 bertujuan untuk meminda fasal 54 yang dinomborkan semula bagi memperuntukkan bahawa kuasa Perdana Menteri untuk membuat peraturan-peraturan adalah tertakluk kepada nasihat Suruhanjaya.

18. Perenggan 24 bertujuan untuk memasukkan Jadual baharu Kedua.

Pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

